

PBD 26: 2016

EDISI PERTAMA, JUN 2016



**MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DOKUMEN PANDUAN

GARIS PANDUAN UNTUK PENGILANGAN DAN PENGENDALIAN PRODUK KOSMETIK HALAL BRUNEI DARUSSALAM

**MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Hak Cipta Terpelihara

**Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam**

GARIS PANDUAN UNTUK PENGILANGAN DAN PENGENDALIAN PRODUK KOSMETIK HALAL BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen Panduan

**PBD 26: 2016
Edisi Pertama**

Adalah dimaklumkan bahawa pematuhan ke atas Standard / Garis Panduan Negara Brunei Darussalam ini tidak memberikan sebarang imuniti dari sebarang keperluan undang-undang di mana-mana kontrak kerana mematuhi Standard / Garis Panduan ini.

Standard / Garis Panduan Negara Brunei Darussalam akan disemak semula dari masa ke semasa menurut keperluan industri kosmetik tempatan dan bagi mengikuti perkembangan industri-industri yang berkenaan. Cadangan-cadangan pindaan akan dicatat dan pada waktu yang sesuai akan dikemukakan kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

Pindaan yang dibuat sejak penerbitan:

No. Pindaan	Tarikh Dibuat	Teks Yang Berkaitan

KANDUNGAN

Wakil Jawatankuasa	3
Wakil Kumpulan Kerja	4
Pengenalan	5
1. Skop	6
2. Definisi	6
3. Kriteria Penggunaan Istilah Halal	11
4. Pematuhan	22
Lampiran	
A. Teks Arab	23
B. Penyembelihan	26
C. Kaedah Mencuci dan Menyertu Najis Menurut Hukum Syara'	32
D. Label Halal	34
Rujukan	35
Penghargaan	37

WAKIL JAWATANKUASA

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard Halal Kebangsaan dan / atau Garis Panduan untuk Produk Kosmetik Halal, yang membentuk garis panduan ini terdiri daripada wakil-wakil organisasi berikut:

Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri

Divisyen Kawalan Bangunan dan Industri, Kementerian Pembangunan

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama *

Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Pusat Inovasi Industri Halal, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama **

Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ***

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Universiti Brunei Darussalam

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Chia Michelle Akin and Aesthetic Therapy

Giant TMC (B) Sdn Bhd

IDS Borneo Sdn Bhd

Livewelle Company

Syarikat Nurfazarimad

*sekarang dikenali sebagai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**sekarang dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Industri Halal Global, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

***sekarang dikenali sebagai Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

WAKIL KUMPULAN KERJA

Kumpulan Kerja Garis Panduan Produk Kosmetik Halal yang merangka Garis Panduan untuk Pengilangan dan Pengendalian Produk Kosmetik Halal Brunei Darussalam ini, terdiri daripada wakil-wakil organisasi berikut:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama *

Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

*sekarang dikenali sebagai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

PENGENALAN

Garis Panduan untuk Pengilangan dan Pengendalian Produk Kosmetik Halal Brunei Darussalam disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard Halal Kebangsaan dan / atau Garis Panduan untuk Produk Kosmetik Halal, di bawah kuasa Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Garis Panduan ini diterbitkan untuk memberi penjelasan mengenai syarat-syarat pengilangan dan pengendalian produk kosmetik halal bagi memenuhi tanggungjawab Fardhu Kifayah (kewajipan kolektif) dengan terdapatnya produk kosmetik halal dan juga bagi tujuan peningkatan perniagaan dan perdagangan di Negara Brunei Darussalam.

Bidang-bidang utama yang dirangkumi oleh garis panduan ini termasuk sumber bahan-bahan awalan, pengilangan, pembungkusan, pengangkutan dan penyimpanan produk kosmetik halal. Garis panduan ini direkabentuk bagi mendukung syarat-syarat Amalan Pengilangan Baik bagi produk kosmetik yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam.

1. Skop

Skop Garis Panduan untuk Pengilangan dan Pengendalian Produk Kosmetik Halal Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

- 1.1 Untuk menyarankan langkah-langkah yang harus diambil dalam sumber bahan awalan, pengilangan, pembungkusan, pengangkutan dan penyimpanan produk kosmetik halal.
- 1.2 Untuk penggunaan istilah halal yang bertepatan dengan Hukum Syara' pada pensijilan dan pelabelan produk kosmetik halal.

Ia bertujuan untuk melengkapkan Garis Panduan ASEAN bagi Amalan Pengilangan Yang Baik untuk Kosmetik dan garis panduan yang lain yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti COLIPA (The European Cosmetic Toiletry and Perfumery Association) Amalan Pengilangan Baik Kosmetik – Garis Panduan bagi Pengilangan Produk Kosmetik, dan tidak mengatasi sebarang larangan yang terkandung di dalamnya.

2. Definisi

2.1 Bagi tujuan garis panduan ini, definisi-definisi berikut diguna pakai:

2.1.1 Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam

Suatu kuasa dibentuk di bawah Bab 5 Perintah Ubat, 2007 yang mana fungsi-fungsinya disebut di bawah Bab 6 Perintah Ubat, 2007.

2.1.2 Bioteknologi

Sebarang aplikasi teknologi yang menggunakan sistem-sistem biologi, organisma-organisma hidup atau derivatif-derivatifnya, untuk membuat atau mengubahsuai produk-produk atau proses-proses bagi kegunaan khusus. Contoh derivatif-derivatif berkenaan adalah seperti berikut, asid deoksiribonukleik (DNA), asid ribonukleik (RNA), enzim dan polypeptides (asid amino).

2.1.3 Produk Kosmetik

Produk kosmetik bermaksud sebarang bahan atau penyediaan bertujuan untuk digunakan pada pelbagai bahagian luaran badan manusia (lapisan epidermis, sistem rambut, kuku, bibir dan luaran organ-organ kemaluan) atau pada bahagian gigi dan membran mukus rongga mulut dengan tujuan semata-mata atau terutamanya untuk membersihkan, mewangikan, menukar penampilan dan / atau memperbaiki bau badan dan / atau melindungi atau bagi memastikan bahagian badan yang tersebut di atas sentiasa di dalam keadaan yang baik.